

SOALAN NO: 26

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : RABU, 8 NOVEMBER 2017
RUJUKAN : L9 [PR-1353-L03327]
SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah kutip caj parkir di Kuala Lumpur yang diterima sejak pelaksanaan kontrak penswastaaan antara DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), bagaimanakah keuntungan dibahagikan termasuk bayaran diterima daripada sewaan petak parkir, penguncian roda kereta dan penundaan kenderaan serta jumlah keuntungan YWP terhutang kepada DBKL setakat ini.

49

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, jumlah kutipan caj parkir di Kuala Lumpur yang diterima sejak pelaksanaan kontrak penswastaan antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) adalah sebanyak RM16,564,825.92.

Perkongsian hasil diantara DBKL dan YWP merangkumi pembahagian seperti berikut:

- a. Perkongsian hasil bagi kutipan bayaran tempat letak kereta dengan pulangan minima kepada DBKL sebanyak RM600 ribu sebulan atau 35% daripada jumlah keseluruhan hasil kutipan atau mana-mana lebih tinggi. Perkongsian ini merangkumi kutipan caj parkir petak biasa dan petak sewa khas. Melalui perkongsian ini pendapatan kepada DBKL melalui pulangan terjamin minima setahun adalah berjumlah RM7.2 juta dan dijangka akan melebihi pulangan terjamin minima.
- b. Kadar perkongsian hasil berbayar ke atas kenderaan yang dikapit dan disusuli dengan tindakan membuka kapit dengan pecahan sebanyak 35% DBKL: 65% YWP. Segala kos operasi termasuk pembelian peralatan kapit ditanggung sepenuhnya oleh YWP.

SOALAN (27)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 NOVEMBER 2017
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZLAH
[TAMBUN]

SOALAN :

YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah ekonomi negara kita akan berubah kepada pengeluaran 'end product' bernilai tinggi. Negara-negara yang mengeluarkan 'end product' bernilai tinggi mendapat faedah tinggi. Baru-baru ini Apple bersetuju membeli Bain Capital dengan nilai harga USD18 bilion untuk memiliki Toshiba Corp Memory Chips Unit.

51

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengambil maklum dan bersetuju bahawa pengeluaran '*end product*' bernilai tambah tinggi adalah penting bagi memperkukuhkan pembangunan dan daya saing industri di peringkat global. Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) (2016-2020) telah mempergiatkan usaha bagi memperkasa pertumbuhan ekonomi dengan memperkukuhkan sektor pembuatan melalui pelbagai program dan inisiatif ke arah rantai nilai yang lebih tinggi. Salah satu strategi yang digariskan adalah peralihan sektor pembuatan kepada pengeluaran produk bernilai tinggi, lebih kompleks dan pelbagai. Usaha peralihan ini akan dilaksanakan seiring dengan pembangunan tenaga kerja mahir, pengukuhan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pemindahan teknologi. Hasil daripada peralihan ini juga akan menyumbang kepada aspirasi Kerajaan sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti tiga (3) subsektor pemangkin iaitu elektrik dan elektronik (E&E), mesin

dan peralatan (M&E) dan kimia, serta dua industri yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi iaitu aeroangkasa dan peranti perubatan. Antara inisiatif yang dikenalpasti bagi menggalakkan pengeluaran produk bernilai tinggi dan kompleks adalah melalui pemberian insentif kepada syarikat perintis untuk menggalakkan pembangunan produk frontier, menggalakkan kerjasama antara Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan syarikat multinasional, dan meningkatkan kemahiran dan keupayaan tenaga kerja dalam mengeluarkan produk frontier.

Bagi menyokong inisiatif yang telah dikenalpasti, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif dalam bentuk geran padanan, pinjaman mudah, geran latihan, pelepasan cukai dan khidmat nasihat. Antara program sedia ada di bawah Kementerian dan Agensi bagi menggalakkan pengeluaran produk bernilai tinggi dan kompleks adalah termasuk Dana Strategik Pelaburan Tempatan, Dana Berimpak Tinggi, Program *Catalyst* dan Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Mekanisasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, melalui program pembangunan produk bernilai tambah tinggi dan kompleks di bawah RMKe-11, Kerajaan telah mengadakan beberapa sesi konsultasi

dengan pihak industri bagi mengenalpasti projek-projek yang berpotensi untuk mengeluarkan produk nilai tambah tinggi dan kompleks. Projek-projek yang terpilih ini dikawal selia oleh pihak Kerajaan bagi memastikan kelancaran projek dan objektif dicapai seperti yang telah ditetapkan. Produk yang dihasilkan melalui projek bernilai tinggi dijangka akan menyumbang sebanyak 83.4% kepada jumlah eksport pada tahun 2020 dan nilai ditambah terkumpul sebanyak RM1,417 bilion atau 22.5% kepada KDNK dalam tempoh yang sama.

Pada masa ini, antara produk-produk bernilai tinggi yang telah dikeluarkan menggunakan insentif Kerajaan adalah seperti implan perubatan pergigian dan pinggul menggunakan teknologi 3-D *printing*, *Smart Manufactured Textile and Apparel* dan kerusi pesawat komposit untuk industri aeroangkasa. Selain itu, produk-produk bernilai tambah tinggi yang masih dalam proses pembangunan adalah termasuk produk berasaskan *nano-technology* seperti *Structural Nano Battery*, *Technical and Nanofiber-modified Textile* dan *Printed Smart Tags for Crowd Monitoring*.

Sekian, terima kasih.
8 November 2017